

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN : 67

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah purata kelajuan *download* (atau *download speed*) bagi pecahan daerah-daerah di Negeri Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Apakah inisiatif Kerajaan untuk menaik taraf kemudahan Internet di negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara dasarnya, purata kelajuan *download* di negeri Sabah dan negeri-negeri di Semenanjung adalah sama kerana teknologi yang digunakan oleh setiap Pembekal Perkhidmatan adalah sama bagi kedua-dua kawasan. Namun begitu, bagi sesetengah kawasan, ia telah mempunyai teknologi yang terkini seperti 3G dan Unifi.

SOALAN NO: 67

Bagi meningkatkan kemudahan Internet di negeri Sabah, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif baharu seperti berikut :

- (i) Membina baharu menara komunikasi iaitu di samping 212 buah menara komunikasi yang telah siap dan telah beroperasi, terdapat 79 buah menara yang masih dalam peringkat pelaksanaan di negeri Sabah;
- (ii) Peluasan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi fasa 2 (*High Speed Broadband*-HSBB2) dan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub-urban Broadband* – SUBB). Melalui kedua-dua projek ini, sebanyak 31 ibu sawat akan dinaik taraf untuk penyediaan 60,000 sambungan port;
- (iii) Pembinaan sistem kabel dasar laut yang menghubungkan Sabah dan Semenanjung Malaysia yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2017; dan
- (iv) Melaksanakan projek Menaik taraf Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G di bawah program Peluasan Liputan Perkhidmatan Selular yang melibatkan sebanyak 447 lokasi di negeri Sabah.